

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) digesa memperkasa Unit Cerun Jabatan Kejuruteraan dan Pengangkutan Bandar susulan kejadian tanah runtuh yang dilaporkan sering berlaku di ibu negara, sejak kebelakangan ini.

Ahli Parlimen Segambut Hannah Yeoh berkata, pihaknya menerima lebih 100 aduan berhubung hakisan tanah pada tahun lalu.

Beliau berkata, justeru, pemerkasaan unit berkenaan adalah penting bagi memastikan tindakan yang lebih berkesan dan segera untuk mengelakkan kejadian sama berulang.

KEKERAPAN KEJADIAN TANAH RUNTUH

DBKL digesa perkasa unit berkaitan

“Kita menerima banyak aduan sehingga lebih 100 kes hakisan tanah pada tahun lalu. Seperti yang kita tahu, di kawasan Segambut dan Lembah Pantai ini, banyak kawasan berbukit.

“Kita tidak dapat pastikan kawasan mana lagi akan terbabit, tetapi saya sebagai Ahli Parlimen Segambut berharap unit kejuruteraan yang menjaga tanah runtuh ini diperkasakan,” katanya selepas mengadakan lawatan di kawasan runtuh ba-



Kita menerima banyak aduan sehingga lebih 100 kes hakisan tanah pada tahun lalu. Seperti yang kita tahu, di kawasan Segambut dan Lembah Pantai ini, banyak kawasan berbukit”

Hannah



ngunan Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (Maca) di sini, semalam.

Hannah berkata, beliau sudah membawa perkara berkaitan pemerkasaan unit kejuruteraan cerun DBKL di Dewan Rakyat, baru-baru ini.

Bagaimanapun, beliau sedar kekangan dihadapi pihak DBKL seperti kekurangan sumber dan kakitangan untuk menjalankan pemeriksaan di setiap kawasan berbukit.

Pada kejadian kira-kira jam 1.30 tengah hari kelma-

rin, berlaku kejadian tanah runtuh berdekatan bangunan Maca dan Institut Integriti Malaysia (IIM) di Perisiran Tunku Syed Sirajuddin, di sini.

Kejadian turut menyebabkan pondok keselamatan di bangunan berkenaan runtuh.

“Saya dimaklumkan, Datuk Bandar (Datuk Kamarulzaman Mat Salleh) sudah datang untuk melihat sendiri dan sangat bernasib baik kerana kejadian ini tidak melibatkan kemalangan jiwa.

“Bagaimanapun, laporan forensik sedang dijalankan dan kita akan tunggu sebelum memberi ulasan lanjut,” katanya.